

PENGURUSAN ASRAMA

Sek Men Al Hidayah

Lot 20849, Persiaran Sepakat 7, Taman Indah Jaya, 31350 IPOH

Tel: 05-3138392/ 05-3129373

www.alhidayahperak.edu.my

FB: Sek Men Al-Hidayah



GARIS PANDUAN HARI KEMASUKAN KE ASRAMA

Tarikh : 4 April 2021
Murid Baru : 10.00am hingga 12.00pm
Murid Perdana(Lama): 3.00pm hingga 5.00pm

1. Hanya murid yang **SIHAT SAHAJA** dibenarkan untuk hadir pada hari kemasukan.
2. Semua murid dan ibu bapa dikehendaki mengisi orang soal selidik sejarah perjalanan. Pautan ada diberikan dalam surat **MAKLUMAN KEMASUKAN MURID**.
3. Murid hendaklah mematuhi jadual yang telah ditetapkan mengikut kategori murid baru dan murid perdana (lama).
4. Waris hendaklah mencetak dan **MEMPAMERKAN** label yang disediakan **di sebelah kanan atas dashboard** kenderaan mengikut kategori pelajar. Kenderaan hendaklah di parkir pada ruangan yang telah ditetapkan sahaja. Rujuk pelan.
5. Murid hendaklah hadir dengan memakai **pakaian seragam rasmi** sekolah. Rambut serta kuku di potong pendek seperti termaktub dalam peraturan.
6. Pastikan murid memakai pelitup muka sepanjang proses hari kemasukan berlangsung.
7. Pastikan murid telah membaca **Senarai Keperluan Asrama** dan **Peraturan Asrama** sebelum hari kemasukan ke asrama. Ini untuk memastikan semua keperluan telah disediakan dan tidak membawa barang yang tidak dibenarkan.
8. Bawa **DUA** keping gambar berukuran passport untuk di serahkan pada Kaunter Pendaftaran.
9. Hanya **MURID SAHAJA YANG DIBENARKAN TURUN** dari kenderaan untuk ke Kaunter Pendaftaran.
10. Murid dibenarkan kembali ke kenderaan untuk bersama waris selepas selesai urusan di Kaunter Pendaftaran dan menyelesaikan apa sahaja keperluan sebelum meneruskan urusan ke Kaunter Asrama.
11. Kaunter Asrama: waris hanya dibenarkan berada di kawasan asrama untuk urusan menurunkan barang daripada kereta sahaja.
12. Pihak sekolah akan menyediakan petugas untuk membantu mengangkut barang murid daripada kereta.

13. Murid perlu membawa keperluan seperti **pelitup muka serta cecair sanitasi yang mencukupi** dan di larang berkongsi untuk kegunaan sesi persekolahan.
14. Murid tidak dibenarkan membawa rak, perabot atau bekas menyimpan barang daripada rumah. Murid hanya dibenarkan menggunakan *storage box* yang dibeli dari pihak sekolah sahaja. Pra-tempahan boleh dibuat di Kaunter Pendaftaran.
15. Makan tengahari pada hari kemasukan disediakan kepada semua murid baru **SAHAJA**. Makan malam disediakan kepada semua murid baru dan perdana.
16. Setiap murid **WAJIB** membawa dua set cadar. Pelajar baru boleh membuat pembelian semasa hari kemasukan.
17. Murid **WAJIB** memiliki jam loceng.

CARTA ALIR HARI KEMASUKAN KE ASRAMA

STESEN	TINDAKAN MURID	CATATAN
<p>(1) KAUNTER PENDAFTARAN</p> <p><i>MURID BARU</i> <i>10.00am - 11.00am</i></p> <p><i>MURID PERDANA(LAMA)</i> <i>3.00pm - 4.00pm</i></p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pemeriksaan suhu dan sanitasi. 2. Bawa Kad Pengenalan untuk semakan nama 3. Terima Buku Peraturan Sekolah <ol style="list-style-type: none"> a. Lengkapkan butiran peribadi pelajar pada muka surat 1 b. Tampal gambar pada kulit depan c. Pelajar dan waris turunkan tandatangan pada muka surat 2 dan 3 4. Terima Kad Rekod Keluar/Masuk Asrama: <ol style="list-style-type: none"> a. Lengkapkan butiran pada kad b. Tampal gambar pada kulit depan 5. Membuat pembayaran <ul style="list-style-type: none"> - *Cadar RM46 (dua set) - **Storage Box RM45, 30-36 liter (<i>harga anggaran, baki akan dikembalikan</i>) 	<p><i>Buku Peraturan Sekolah perlu disimpan oleh pelajar sepanjang berada di sekolah.</i></p> <p><i>Mohon sediakan wang mengikut JUMLAH PEMBAYARAN.</i></p>
<p>(2) KAUNTER ASRAMA</p> <p><i>MURID BARU</i> <i>11.00am - 12.00pm</i></p> <p><i>MURID PERDANA(LAMA)</i> <i>4.00pm - 5.00pm</i></p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Murid turun kenderaan bersama bag dan barangan. 2. Serahkan Kad Rekod Keluar/Masuk Asrama mengikut kompeni/blok kepada urusetia. 	<p><i>Pihak sekolah menyediakan petugas untuk membantu urusan membawa barang.</i></p> <p><i>Dua set cadar telah disediakan di atas tilam masing-masing.</i></p> <ul style="list-style-type: none"> - <i>Set Warna Kompeni</i> - <i>Set Biru Muda</i> <p><i>Semua murid(baru dan perdana) diminta memasang set cadar berwarna biru muda.</i></p>

** Untuk tindakan murid baru sahaja*

***Bagi yang berminat untuk membeli sahaja. Belian secara pra-tempahan*

PANDUAN KEDUDUKAN KAUNTER, RUANG PARKIR DAN ASRAMA



